

Indeks Pelopor catat 109.0 mata pada Julai

KUALA LUMPUR - Indeks Pelopor (IP) Julai 2023 menjangkakan prestasi ekonomi yang menyederhana selepas mencatatkan 109.0 mata, turun 0.9 peratus tahun ke tahun daripada 109.5 mata pada Julai 2022, kata Jabatan Perangkaan Malaysia pada Isnin.

Ia berkata, ini adalah peningkatan berbanding penurunan 2.1 peratus untuk Jun 2023 pada 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada Jun 2022.

Indeks Pelopor merupakan alat yang digunakan untuk meramalkan pergerakan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan ini dipacu oleh pertambahan ketara dalam bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (200.8 peratus).

Namun begitu, penurunan yang

berterusan dalam import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain (-24.3 peratus) dan import benar semi konduktor (-17.4 peratus) mempengaruhi pertumbuhan keseluruhan.

"Melihat kepada prestasi bulanan, IP mencatatkan negatif 0.7 peratus pada bulan rujukan berbanding negatif 0.5 peratus pada bulan sebelumnya," kata Mohd Uzir. - *Bernama*